

>>Penjualan dadah pada harga **murah** strategi tarik remaja jadi **penagih** baharu dan muda

EKSklusif

“

Dulu mungkin 'butterfly' atau 'Shell' (ekstasi) mahal, tapi kini harganya jatuh sekitar RM25 hingga RM35 sebiji. Akibatnya ramai remaja mampu membelinya dengan duit kocek diberikan ibu bapa masing-masing,”
Iqbal

RM2

Harian metro
30/12/2016
mls:6

DAH BOLEH BELI DADAH

■ Persaingan sindiket, lambakan bahan larangan dihasil dalam negara memudahkan remaja beli dengan duit saku





Mohd Jamilul Anbia Md Denin
dan Fardy Bungga
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persaingan antara sindiket dan lambakan syabu serta ekstasi yang dihasilkan dalam negara menyebabkan harga bahan larangan itu kini 'jatuh' hingga boleh dibeli remaja menggunakan wang saku diberi ibu bapa masing-masing.

Penjualan dadah pada harga murah ini juga dikatakan strategi penderag untuk menarik lebih ramai remaja menjadi penagih baharu dan muda.

Seorang remaja yang pernah terjebak dengan najis dadah dan kini sedang menjalani rawatan pemulihan serta mahu dikenali sebagai Iqbal, 17, mendakwa harga dadah semakin murah kini berbanding beberapa tahun lalu.

"Dulu mungkin 'butterfly' atau 'Shell' (ekstasi) mahal, tapi kini harganya jatuh sekitar RM25 hingga

RM35 sebiji. Akibatnya ramai remaja mampu membelinya dengan duit kocek diberikan ibu bapa masing-masing," katanya.

Menurutnya, harga dadah yang merudum antaranya Yaba, Eramin 5 dan ganja.

"Dadah 'rasta', 'sayur' atau 'mary jane' (nama samaran ganja) boleh dibeli semurah RM2 bagi segram paket. Ia lebih murah daripada harga sebiji burger. Kadang-kadang 'supplier' (pengedar dadah) bagi harga 'special' kalau ambil 'stock' (bekalan) lebih.

"Saya hanya ambil 'butterfly' untuk 'happy-happy'. Ada kawan-kawan yang kaya ambil 'glass' dan 'blue ice' (syabu) walaupun harganya lebih mahal mencecah RM70 bagi segram. Apapun kesannya tetap

sama, boleh bagi 'fly' (khayal) bila masuk badan," katanya.

Iqbal yang pernah ditahan pihak polis dalam serbuan di sebuah disko di Jalan P Ramlee, di sini, berkata, ramai remaja sebaya dengannya terlalu dimanjakan ibu bapa dengan gadget dan wang ringgit.

"Ini puncanya golongan remaja mudah terjebak dengan dadah. Ma-



Saya akan berasa bertenaga, bersemangat dan penuh emosi. Namun, ia turut menyebabkan saya menderita kerana tidak dapat tidur sehingga berhari-hari selain masalah kesihatan,"
Wan

FAKTA

Ekstasi dahulu mahal, tapi kini harganya jatuh sekitar RM25 hingga RM35 sebiji



LIMA JENIS DADAH PALING POPULAR DALAM KALANGAN PELAJAR



Heroin No.3



Ganja



Syabu



Pil Ekstasi



Pill Yaba

HARGA SEMASA DADAH TAHUN 2016

Info

Jenis Dadah	Berat	Harga
Candu Mentah	1gram	RM12
Heroin No.3	1gram	RM15.60
Heroin No.4	1gram	RM93
Ganja	1 gram	RM2
Kokain	1gram	RM200
Syabu	1gram	RM70
Ketamin	1gram	RM45
Pil Ekstasi	1biji	RM35
Ketum	1kg	RM30
Pil Yaba	1biji	RM12
Eramin 5	1biji	RM15
Kodein	1liter	RM150
Air Ketum	1liter	RM10

Remaja mudah terjebak

Harian Metro

30/12/16
MIS 7

Kuala Lumpur: Statistik terbaru diperoleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendedahkan seramai 1,716 remaja lelaki dan 12 remaja perempuan dikesan terjebak dengan aktiviti tidak bermoral itu.

Walaupun mereka berada seawal usia 13 hingga 18 tahun, statistik dicatatkan dalam tempoh Januari hingga Disember tahun ini wajar diambil perhatian serius berikutan ia menunjukkan peningkatan ketara berbanding sebanyak 717 kes tahun lalu.

Di sebalik usaha semua pihak berkuasa di negara ini melaksanakan pelbagai strategi membendung gejala ini, remaja dianggap sasaran mudah sindiket dadah tempatan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK Datuk Izhar Abu Talib berkata, hasil kajian dilakukan pihaknya mendapati antara jenis dadah popular dalam kalangan penagih muda ini syabu diikuti heroin, morfin dan ecstasy serta pil kuda.

Katanya, faktor harga dadah yang dianggap 'mampu beli' selain kemudahan mendapatkan bekalan dadah dilihat menjadi faktor utama masalah itu masih sukar dikikis.

"Ibu bapa perlu memantau penggunaan media sosial dan aplikasi digunakan anak-anak pada hari ini.

"AADK sedia maklum terdapat kes penyalahgunaan dadah dipelajari melalui laman web luar negara.

Kami bimbang dan khuatir kegiatan ini menjadi ancaman kepada golongan belia. Jadi kita perlu tingkatkan lagi strategi bagi memerangi dadah," katanya.

Beliau berkata, AADK sudah melancarkan pelbagai program pencegahan yang memberi fokus kepada pelajar sekolah secara berterusan.

"Antara program yang dijalankan bersama pihak sekolah adalah Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) iaitu program pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah.

Dia mendakwa kemudahan pelbagai aplikasi dan laman sosial memudahkan penagih dadah remaja memperoleh bekalan dadah daripada pembekal tanpa khuatir diberkas polis atau Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

"Selain mendapat bekalan dadah terus di pusat hiburan, dadah dipesan akan dihantar sindiket ke alamat rumah yang diberikan pelanggan. Biasanya tempahan WhatsApp dilakukan menggunakan pelbagai kod samaran ini.

"Taktik ini bukanlah baru, tapi sudah lama dilakukan menggunakan pelbagai kod kata rahsia. Malah pelanggan yang memperkenalkan 'buyer' (pembeli) baru akan diberi harga istimewa," katanya.


Seorang lagi bekas penagih muda yang hanya mahu dikenali sebagai Wan, 18, mengaku terjebak dengan dadah syabu atau 'Amphetamine Type Stimulants' (ATS) untuk memperoleh rasa berani ketika melakukan jenayah ragut dan lumba haram motosikal.

"Saya akan berasa bertenaga, bersemangat dan penuh emosi. Namun, ia turut menyebabkan saya menderita kerana tidak dapat tidur sehingga sehari-hari selain masalah kesihatan," katanya yang turut mendakwa, remaja kini mudah terjebak dengan dadah berpunca sikap ibu bapa sendiri yang kurang memberikan perhatian selain memberikan kemewahan tanpa batasan.

“Sementara itu, program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) dilaksanakan di peringkat sekolah menengah bagi meningkatkan kesedaran serta mengupayakan ketahanan diri pelajar yang dikenali sebagai berisiko tinggi dalam penyalahgunaan dadah,” katanya.

Beliau turut meminta ibu bapa dan guru peka dalam usaha menangani aktiviti penyalahgunaan dadah.

“Mereka perlu melakukan langkah pencegahan awal apabila mendapat maklumat kemungkinan berlakunya aktiviti penyalahgunaan dadah di rumah atau sekolah masing-masing,” katanya.



lah, ada yang mula mengenali pelbagai dadah ini ketika belajar di kolej atau kafe siber.

“Saya sendiri terjebak dengan ‘butter-

fly’ selepas dipujuk kawan. Ada pelbagai rupa ekstasi antaranya mempamerkan logo Superman, WB, Shell, Minion, Adidas, LV dan Channel,” katanya.

Ibu bapa sekarang, kata beliau, sibuk dengan kerjaya masing-masing.

“Anak-anak diberikan wang, tapi kurang dipantau pergerakan,” katanya yang kini menerima rawatan di Pusat Pemulihan Care & Cure (CCRC).

Sementara itu, jurucakap Jabatan Siasatan Narkotik Bukit Aman berkata, kejatuhan harga dadah ada kaitan dengan lambakan bahan terlarang itu di pasaran.

Menurutnya, sindiket dadah mungkin terdesak selepas polis berjaya melumpuhkan usaha menyeludup dadah itu ke negara jiran.

“Dadah seperti syabu dan ekstasi buatan tempatan terpaksa diturunkan harga susulan persaingan antara beberapa sindiket dadah.

“Ia juga mungkin strategi untuk menarik minat penagih dadah baru dengan menyogok dadah murah kepada mereka,” katanya.